



SOALAN LAZIM (FAQ)

KEMUDAHAN PEMBERIAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK MORATORIUM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) 3.0 PEMBIAYAAN TABUNG MODAL PUSINGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (TMPSKM)

1. Adakah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan kemudahan pemberian penangguhan bayaran balik moratorium PPN 3.0 kepada koperasi?

Ya. MEDAC menerusi agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan kemudahan pemberian moratorium PPN 3.0 bagi koperasi yang terkesan selaras dengan pengumuman khas oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

2. Berapa lama tempoh moratorium PPN 3.0 diberikan kepada koperasi?

Tempoh moratorium PPN 3.0 yang diberikan adalah selama enam (6) bulan bermula pada bulan Julai hingga Disember 2021

**Nota : tertakluk kepada bayaran akhir yang diterima*

3. Siapa yang layak memohon moratorium PPN 3.0 tersebut?

Semua koperasi yang mempunyai akaun pembiayaan dengan TMPSKM adalah layak untuk memohon.

4. Adakah koperasi yang mendapat pembiayaan modal pusingan untuk aktiviti kredit di bawah Tabung Pembiayaan Koperasi Kredit (TPKK) juga layak memohon?

Tidak. Koperasi yang mendapat kemudahan pembiayaan modal pusingan untuk aktiviti kredit di bawah TPKK adalah tidak layak untuk memohon moratorium PKP 3.0. Pemberian moratorium PPN 3.0 ini hanya layak kepada koperasi yang mempunyai akaun pembiayaan dengan TMPSKM sahaja.

5. Adakah koperasi yang telah mendapat moratorium PKP 3.0 sebelum ini dilanjutkan penangguhan selama tiga (3) bulan lagi?

Ya. Koperasi yang telah mendapat kelulusan penangguhan moratorium PKP 3.0 akan dilanjutkan tempoh penangguhan selama tiga (3) bulan lagi secara automatik.

6. Adakah koperasi yang menjalankan aktiviti perkhidmatan kredit disyaratkan untuk memanjangkan kemudahan moratorium kepada anggota yang meminjam?

Ya. Koperasi yang menjalankan aktiviti perkhidmatan kredit disyaratkan untuk memanjangkan kemudahan pemberian moratorium kepada anggota yang meminjam.

7. Sekiranya koperasi mempunyai tunggakan terhadap pembiayaan sedia ada dengan TMPSKM, adakah masih layak untuk memohon?

Ya. Koperasi layak untuk memohon kemudahan pemberian moratorium PPN 3.0 ini.

8. Bagaimana cara untuk memohon kemudahan pemberian moratorium PPN 3.0 ini?

Koperasi boleh memohon dengan mengemukakan surat rasmi yang ditandatangani oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) utama kepada SKM secara e-mel di alamat mora3.0tmp@skm.gov.my

Koperasi boleh mendapatkan sebarang penjelasan lebih lanjut melalui Whatsapp (WA) **hotline 011-14736471** (9.00 pagi – 6.00 petang)